

'M mahu pengusaha feri turun tambang

B.H - 8 AUG 1992

LANGKAWI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengusaha feri betapa penting menurunkan kadar tambang feri supaya lebih ramai pelancong melawat Langkawi.

Menurut Perdana Menteri, hanya kadar tambang murah akan menjadikan perkhidmatan feri sebagai pengangkutan utama ke pulau itu.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan feri Perdana Ekspres, milik Idris Hydraulic (M) Bhd di jeti Kuah di sini, hari ini, beliau berkata pengangkutan feri kini lebih cepat berikutan penggunaan teknologi canggih.

"Malaysia adalah antara negara menyediakan perkhidmatan feri yang mempunyai kadar tambang tinggi sedikit tetapiambutannya bergantung kepada sikap pengguna.

"Pengguna . sememangnya mahu membeli sesuatu barangan dengan murah tetapi penjual mahu harga yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan pengusaha feri supaya jangan terlalu rujuk membuat pelaburan tanpa memikirkan beban hutang.

Bagaimanapun, beliau mengucapkan tahniah ke-

pada Idris Hydraulic kerana menambah perkhidmatan feri selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke pulau itu.

Pepperusi Idris Hydraulic, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata pelancaran Perdana Ekspres memberi erti besar kepada syarikat itu kerana ia menandakan permulaan komitmennya dalam kegiatan industri pengangkutan di Langkawi.

Beliau berkata, pembangunan pesat di Langkawi tidak bermakna jika kemudahan orang ramai mengunjungi pulau itu tidak disediakan.

Menurutnya, kedai dan hotel tidak akan dilawati jika sistem pengangkutan berkurangan.

"Komitmen kami bukan saja mengadakan sistem pengangkutan yang baik dan selesa tetapi lebih penting ialah menyediakan perkhidmatan murah, supaya lebih ramai lagi pelancong melawat Langkawi.

"Penyertaan kami dalam pengangkutan feri bukan semata-mata mencari keuntungan tetapi memberi kemudahan selesa dan lengkap kepada pelancong supaya bilangan mereka ke pulau ini bertambah," katanya.